

1979

KUALA LUMPUR, 4 SEPT. (BERNAMA) -- MATLAMAT PERINDUSTRIAN MALAYSIA BAGI TAHUN-TAHUN 80AN IALAH UNTUK MENJADI NEGARA PENGEKSORT BARANG-BARANG BUATAN DAN HASIL PERKILANGAN DARI BAHAN-BAHAN MENTAH TEMPATAN YANG TERESAR DI DUNIA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MENGGARISKAN ARAH PERTUMBUHAN NEGARA DI MASA DEPAN DALAM UCAPANNYA MERASMIKAN SEMINAR PELABURAN MALAYSIA SELAMA DUA HARI DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA, MALAYSIA MEMPUNYAI POTENSI, SOKONGAN KERAJAAN DAN IKLIM PELABURAN YANG BOLEH MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA TERKEMUKA DALAM PERINDUSTRIAN YANG DERASAKAN SUMBER-SUMBER MENTAH TERSEBUT.

KATANYA, SEKARANG INI NEGARA INI MERUPAKAN NEGARA PENGEKSORT BEBERAPA SUMBER ASLI TERBESAR DI DUNIA, YANG DIPERLUKAN OLEH DUNIA MODEN, SEPERTI GETAH, BIJIH TIMAH, MINYAK SAWIT, KAYU JENIS KERAS DAN LADA HITAM SERTA JUGA BEBERAPA JENIS HASIL PERTANIAN DAN GALIAN LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA, +APA YANG KITA PERLUKAN SEKARANG IALAH DAYA -USAHA DAN AZAM SEKTOR SWASTA UNTUK MENJADIKAN MATLAMAT INI SATU KENYATAAN.+ -- BERSAMBUNG 1421/LK

MAHATHIR-BARANG 2 KUALA LUMPUR

BELIAU YAKIN BAHAWA TIDAK ADA SEBAB MENGAPA MALAYSIA TIDAK BOLEH MENJADI PENGEKSORT TERBESAR BARANGAN BUATAN DARI GETAH MISALNYA DI MASA AKANDATANG, SEKIRANYA PARA PENGUASA MEMPUNYAI AZAM DAN TENAGA SEPERTI PARA PENGUSAHA KEPUN DAN LADANG GETAH MASA DULU SEHINGGA MENJADIKAN NEGARA INI NEGARA TERKEMUKA PENGEKSORT GETAH ASLI.

BELIAU NAMPAK BAHAWA TAHUN 80AN AKAN MERUPAKAN DEKAD PERINDUSTRIAN BERASAKAN SUMBER ASLI BAGI NEGARA INI DALAM DUA BAGIAN.

PERTAMA IALAH INDUSTRI YANG ADA KAITAN DENGAN PERUSAHAAN PERTANIAN DAN KEDUA YANG ADA KAITAN DENGAN SUMBER ASLI PERTANIAN.

TERDAHULU DARI ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN TAHUN-TAHUN 1957-1967 SEBAGAI +DEKAD PENGGANTIAN BAHAN IMPORT+ DAN TAHUN-TAHUN 1968-1978 SEBAGAI +DEKAD PENGELUARAN BERASAKAN EKSPORT+.

DALAM DEKAD 1968-1978 ITU MALAYSIA TELAH MEMBUKTIKAN KEPADA DUNIA BAHAWA IA MEMPUNYAI KEKUATAN EKONOMI, KEPAKARAN DAN KEMAMPUAN UNTUK MENGEKALKAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN BERASAKAN EKSPORT YANG SOFISTIKATED DAN MENGGUNAKAN KEPAKARAN TEKNOLOGI.

BELIAU BERKATA, DISAMPING ITU MALAYSIA MEMPUNYAI DUA SUMBER KUKUH LAGI -- TENAGA BURUH DAN TANAH. -- BERSAMBUNG 1448/LK

MAHATHIR-BARANG 3 KUALA LUMPUR

MENYENTUH TENTANG TENAGA BURUH, BELIAU BERKATA, MENURUT PENGALAMAN BANYAK PEKILANG DI NEGARA INI, TENAGA BURUH MALAYSIA ADALAH MUDAH DILATIH DAN MEMPUNYAI KEMAMPUAN UNTUK MENYESUAIKAN DIRI DENGAN KEPERLUAN-KEPERLUAN TEKNOLOGI PERUSAHAAN MODEN.

MENGENAI SUMBER TANAH, BELIAU BERKATA, +KAMI INGIN MELIHAT TANAH -TANAH YANG TIDAK MENGELUARKAN HASIL ATAU PUN HUTAN BERTUKAR MENJADI LADANG-LADANG BARU YANG MENGELUARKAN HASIL-HASIL PERTANIAN TROPIKA UNTUK MENDATANGKAN FAEDAH KEPADA EKONOMI NEGARA.+

TAMBAHNYA, +BUKAN ITU SAJA, KAMI JUGA BERHARAP HASIL-HASIL PERTANIAN INI DAPAT DIPROSES UNTUK MENJADI BARANG-BARANG BUATAN UNTUK KEPERLUAN DALAM NEGERI DAN PASARAN DUNIA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, NEGARA SEKARANG SEDANG PESAT BERGERAK MASUK KE PERINGKAT PERTUMBUHAN EKONOMI YANG BERTERUSAN DALAM MANA SEKTOR PEKILANGAN TELAH TUMBUH PADA KADAR 11.8 PERATUS SETAHUN BAGI TEMPOH 1970-1978.

SEKTOR INI DIJANGKA MERUPAKAN 20.3 PERATUS DARI KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDK) MENJELANG TAHUN 1980. -- BERSAMBUNG 1521/LK

51

MAHATHIR-BARANG 4 KUALA LUMPUR

SUMBANGANNYA TERHADAP KDK ADALAH DIJANGKA MENINGKAT KEPADA 30 PERATUS MENJELANG TAHUN 1990 APABILA PENDAPATAN PER KAPITA DIJANGKA MENCAPAI KIRA-KIRA \$3,000 (US\$1,395).

DALAM DEKAD 1990AN, MALAYSIA AKAN BERUBAH MENJADI SEBUAH NEGARA YANG DIKATEGORIKAN SEBAGAI +NEGARA MAJU+ KELAK, SEKIRANYA DITERIMA LAHAWA PENDAPATAN PER KAPITA US\$1,500 SEBAGAI GARIS PEMISAHAN ANTARA EKONOMI NEGARA MAJU DENGAN EKONOMI NEGARA MEMBANGUN, SEBAGAIMANA YANG UMUM DITERIMA OLEH PAKAR-PAKAR EKONOMI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI LALU MENYERU PARA PELABUR DALAM DAN DARI LUAR NEGERI SUPAYA MEREBut PELUANG-PELUANG YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN BAGI MENJADIKAN TAHUN-TAHUN 1980AN KEPADA DEKAD PERINDUSTRIAN YANG BERASASKAN SUMBER MENTAH. — BERSAMBUNG

MAHATHIR-BARANG 5 KUALA LUMPUR

SAMBIL MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN TERUS MENGAMBIL SETIAP LANGKAH UNTUK MENJADIKAN IKLIM PELABURAN MALAYSIA YANG TERBAIK DI DUNIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH INI AKAN DILAKUKAN DALAM KONTEKS HASRAT SOSIO-EKONOMI RAKYAT.

KONSEP INI TIDAKLAH BERTENTANGAN TETAPI LEBIH MERUPAKAN KONSEP YANG MENYOKONG KEARAH KEBAIKAN PERINDUSTRIAN DAN KEBAIKAN RAKYAT NEGARA INI, TEGASNYA.

BELIAU BERKATA, SEKARANG INI TERDAPAT SATU JAWATANKUASA KERAJAAN YANG Mencari JALAN BAGI MEMPERBAIKI KEMUDAHAN DAN GALAKAN YANG DITAWARKAN KEPADA SEKTOR SWASTA DAN INI AKAN BERTERUSAN UNTUK JANGKA MASA YANG LAMA.

SEMINAR YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 200 PESERTA ITU DIANJURKAN OLEH LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA) DAN BANK BUMIPUTERA. — BERNAMA 1543/LK